



GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
JABATAN PELESENAN
TINGKAT 2, TERMINAL BAS PORT DICKSON,
71009 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
LAMAM WEB: www.mppd.gov.my
EMEL: jpl@mppd.gov.my
NO. TELEFON: 06-6463203/2057/2069**

GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD

MPPD-GP(JPL)-08/2024



GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberikan panduan kepada pemohon / peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan operasi Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) untuk membuat permohonan lesen penjaja bergerak di MPPD.

2. PENGENALAN

2.1 Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) merupakan satu Pihak Berkuasa Melesen yang bertanggungjawab untuk meluluskan dan mengeluarkan lesen perniagaan penjaja di Port Dickson.

2.2 Secara asasnya lesen penjaja adalah lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan di suatu lokasi tanpa premis.

3. PUNCA KUASA

Kelulusan yang diberikan ke atas lesen penjaja bergerak ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang, dasar-dasar dan garis panduan berikut:

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976
- 3.2 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976
- 3.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- 3.4 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
- 3.5 Undang-Undang Kecil Penjaja (MDPD) 1982
- 3.6 Undang-Undang Kecil Melesen Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Lain-Lain Profesyen (MDPD) 1983
- 3.7 Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPPD) 2010
- 3.8 Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDPD) 1986
- 3.9 Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDPD) Kerajaan Tempatan 1976
- 3.10 Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2008
- 3.11 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MPPD) 2010

4. DEFINISI PENJAJA BERGERAK

- 4.1 Lesen penjaja bagi aktiviti perniagaan yang menggunakan lori rigid (lutan/kotak), motorsikal atau motorsikal roda tiga atau lain-lain kenderaan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JK Pelesenan MPPD.
- 4.2 Mendapat kelulusan daripada PUSPAKOM dan Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai Kereta Barang-Barang / Kenderaan Perdagangan
- 4.3 Pelesen mestilah mempunyai lesen memandu yang sah.

Contoh gambar kenderaan yang dibenarkan untuk penjaja bergerak



Lori rigid – Luton / Kotak



Motosikal

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN PENJAJA

- 5.1 Pemohon hendaklah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Pemohon bukan warganegara adalah tidak dibenarkan memohon.
- 5.2 Lokasi yang dipohon hendaklah dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Port Dickson.
- 5.3 Jenis Jualan dan Lokasi Yang Dibenarkan:

Kenderaan	Jenis Jualan Yang Dibenarkan	Lokasi Yang Dibenarkan
Lori rigid – Luton / Kotak	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Jualan barangan runcit ✓ Ikan basah ✓ Menjual sayur-sayuran ✓ Menjual ayam ✓ Menjual daging ✓ Makanan sedia dimakan (<i>RTE</i>) ✓ Apa-apa jenis jualan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD 	Taman perumahan yang disenaraikan di Lampiran 1. Sebanyak 5 lokasi taman yang dibenarkan dan dalam satu mukim yang sama.
	Barangan dan perkhidmatan Contoh: Perkhidmatan membuat kunci, menggunting rambut, barangan lusuh, menjual tilam/gas/karpet Apa-apa jenis jualan barangan atau perkhidmatan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD	
Motosikal	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menjual aiskrim ✓ Menjual roti ✓ Menjual makanan ringan ✓ Apa-apa jenis jualan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD 	Taman perumahan yang disenaraikan di Lampiran 1. Sebanyak 5 lokasi taman yang dibenarkan dan dalam satu mukim yang sama.



GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD

6. KAWASAN LARANGAN PERNIAGAAN PENJAJA BERGERAK

- i. Berada dalam lingkungan 40 meter dari jalan masuk/keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan penjaja.
- ii. Berada dalam lingkungan 15 meter dari simpang jalan utama dan berhampiran lampu isyarat.
- iii. Lingkungan 3 meter dari pili bomba dan lain-lain utiliti.
- iv. Kawasan kemudahan OKU (Petak Letak Kenderaan OKU dan lain-lain).
- v. Di sekitar stesen pengangkutan awam.
- vi. Kawasan tumpuan orang awam seperti Taman Komuniti dan Pantai Peranginan.
- vii. Di atas kaki lima atau tempat lapang awam yang berturap melainkan dengan kebenaran serta mendapat kelulusan dari MPPD.
- viii. Lingkungan 9 meter dari simpang jalan masuk.

7. SYARAT-SYARAT ASAS PERNIAGAAN

- i. Tidak dibenarkan membuat aktiviti memasak makanan di kenderaan.
- ii. Konsep perniagaan adalah beli dan beredar.
- iii. Pelesen hanya dibenarkan berniaga di kawasan yang ditetapkan dalam lesen dan sentiasa bergerak. Pelesen tidak dibenarkan tinggal tetap di sesuatu tempat melainkan tempat yang telah ditetapkan MPPD.
- iv. Pelesen bertanggungjawab untuk memastikan penampilan diri di tempat perniagaan sentiasa dalam keadaan bersih dan menarik.
- v. Tidak dibenarkan membuka kerusi dan meja semasa beroperasi.
- vi. Bagi jenis jualan barangan dan perkhidmatan, ditawarkan mesti mendapat kelulusan Majlis dari aspek perniagaan berisiko dan tidak berisiko.
- vii. Aktiviti/transaksi perniagaan barangan dan perkhidmatan mesti dijalankan di atas kenderaan sahaja.
- viii. Pelesen dan pembantu mestilah mengambil suntikan typhoid dan menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- ix. Kebersihan diri pengendali makanan mestilah dijaga seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

8. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK

Borang Permohonan Lesen Penjaja boleh didapati melalui :

- i. Laman sesawang MPPD di <http://www.mppd.gov.my> atau
- ii. Di Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson.



GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD

9. PROSES PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK

- 9.1 Syarat asas permohonan adalah pemohon hendaklah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Pemohon bukan warganegara adalah tidak dibenarkan memohon.
- 9.2 Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan Borang Permohonan Lesen **Penjaja Bergerak (MPPD-P(JPL)-03/03)**.
- 9.2 Pemohon hendaklah merujuk kepada **Lampiran Kawasan Perniagaan Bagi Lesen Penjaja Bergerak MPPD** bagi mendapatkan panduan lokasi yang dibenarkan untuk membuat permohonan lesen.
- 9.3 Setelah borang lengkap diisi, borang hendaklah dihantar ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson untuk semakan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan didaftarkan dan pemohon perlu membayar wang proses sebanyak RM20.00.
- 9.4 Pegawai teknikal akan membuat semakan tapak dan akan menyediakan laporan ulasan untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD.
- 9.5 Surat pemakluman akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD dan akan dihantar kepada pemohon melalui pos biasa.
- 9.6 Pemohon perlu hadir ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson setelah mendapat surat pemakluman bagi tujuan proses pembayaran serta pengeluaran lesen perniagaan MPPD.

10. DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA

10.1 Dokumen Asas

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kad Pengenalan
2.	Pendaftaran Perniagaan
3.	Pelan lokasi / tapak
4.	Gambar lokasi / tapak perniagaan
5.	Lesen memandu (pemohon)
6.	Geran kenderaan (Pengesahan kenderaan perdagangan dari JPJ)
7.	Cukai jalan kenderaan terkini
8.	Sijil kelulusan PUSPAKOM yang masih sah tempoh (salinan pelan badan kenderaan yang telah diluluskan oleh JPJ)
9.	Gambar kenderaan dari pandangan hadapan, dalam, sisi dan belakang (yang berwarna)



GARIS PANDUAN PELESENAN PENJAJA BERGERAK MPPD

10.	Surat Kebenaran Menggunakan Kenderaan (jika bukan kenderaan pemohon)
11	Bagi penjaja makanan/minuman : i. Salinan Buku Suntikan ii. Salinan Sijil Kursus Pengendali Makanan

9. PIAGAM PELANGGAN

Lesen penjaja akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

10. KADAR BAYARAN LESEN

Kadar bayaran lesen trak makanan dan minuman adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	KADAR LESEN YANG DIKENAKAN
1.	Lesen Sementara Penjaja Bergerak	RM30.00/sebulan

11. TEMPOH SAH LAKU LESEN PENJAJA

Tempoh sah laku lesen penjaja bergerak adalah secara sementara dengan tempoh 9 bulan. Pelesen hendaklah mengemukakan surat lanjutan tempoh lesen sementara tersebut sekiranya ingin beroperasi.

12. CARTA ALIR PERMOHONAN

